

KONSEP MELAYU

Definisi awal istilah “Melayu”

1. M. Ptolemy menggunakan istilah *maleu-kolon* dalam karyanya yang berjudul Geographike Sintaxis.
2. Kitab Hindu Purba yang berjudul Purana terdapat perkataan *malaya-dvipa*.
3. Catatan orang China yang menyatakan bahawa sebuah kerajaan *Mo-lo-yeu* mengirinkan Utusan ke negara China untuk mempersembahkan hasil bumi kepada raja China sekitar 644-645 Masihi.
4. Satu lagi catatan orang China ialah catatan rahib Buddha bernama I-Tsing yang menggunakan kata *ma-lo-yu* tentang dua buah kerajaan yang dilawatinya sekitar 675 Masihi, iaitu Kerajaan Melayu di Sungai Batang dan Kerajaan Sriwijaya di Palembang.
5. Catatan dalam kesusasteraan China menyatakan bahawa pengembara yang singgah di Nusantara mendapati bahasa yang dituturkan penduduk di situ ialah bahasa *K'un-lun*. Bahasa ini dipercayai oleh penyelidik sebagai bahasa Melayu kuno.
6. *Sebuah patung di Padang Rocore*, Batanghari bertarikh 1286 M dengan catatan perkataan “Malaya” atau “Melayu” pada bahagian belakangnya.
7. Buku Sejarah Melayu mengaitkan perkataan Melayu dengan nama sebatang sebatang sungai yang deras alirannya, iaitu *Sungai Melayu*.

Definisi “Melayu” dari segi etimologi

Etimologi : *Kajian asal usul dan sejarah sesuatu perkataan serta makna perkataan tersebut.*

1. Berasal daripada perkataan *Malaya*, iaitu kependekan “hima alaya”. “Alaya” bermaksud “tempat” manakala “hima alaya” bermaksud “tempat bersalji”.
2. Perkataan *Malayapura* yang bermaksud “kota Melayu” atau “kerajaan Melayu”.
3. Dikatakan diambil daripada perkataan bahasa Jawa kuno, *mlayu* yang bermaksud “mengembara” atau “pergi ke mana-mana”.
4. Berasal daripada nama sebatang sungai, Sungai Melayu yang disebut dalam buku Sejarah Melayu.
5. Van der Tuuk, perkataan Melayu bererti “menyeberang”, merujuk kepada orang Melayu yang menyeberang atau menukar agama daripada agama Hindu-Buddha kepada Islam.

Definisi “Melayu” berdasarkan Bangsa

Istilah Melayu dapat diberi dua pengertian, iaitu pengertian yang luas dan pengertian yang sempit

Pengertian yang luas

Istilah Melayu merujuk kepada bangsa-bangsa Austronesia yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan-kawasan gugusan kepulauan Melayu. Berdasarkan “The Malay Culture Study Project” (1972), konsep Melayu merujuk kepada suku bangsa di Semenanjung Tanah Melayu, termasuklah orang-orang Melayu di Thailand, Indonesia, Filipina dan Madagaskar.

Secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa pengertian Melayu merujuk kepada bangsa yang berbahasa Melayu yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu, pantai Timur Sumatera dan beberapa tempat lain di Nusantara.

Pengertian yang sempit

Pengertian yang sempit ialah seperti yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia, iaitu **Perkara 153** mengatakan bahawa seseorang itu dapat ditakrifkan sebagai Melayu apabila memiliki ciri-ciri seperti: lazimnya berbahasa Melayu, berkebudayaan Melayu dan beragama Islam (yang murtad, tukar kewarganegaraan : taraf Melayu - hilang)


Tafsiran Melayu mengikut pengertian suku bangsa lebih berdasarkan etnik (keturunan biologi). Walaupun begitu, syarat berbahasa Melayu dan kebudayaan Melayu masih diperlukan. Walau bagaimanapun, mereka tidaklah semestinya beragama Islam. Untuk maksud ini, orang-orang Melayu ialah

- ✓ orang-orang Melayu seperti yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia.
- ✓ orang-orang Melayu yang mendiami kawasan Selatan Thai, Pesisir Sumatera (utara Medan, Deli, Serdang, Palembang, Riau, Lingga) ada beragama Budha, Kristian
- ✓ orang-orang Melayu di bahagian pertama Sarawak ada beragama Kristian
- ✓ orang-orang Melayu di Brunei dan Sabah ada yang tiada agama, agama-agama lain

Tafsiran Melayu mengikut pengertian ras merangkumi penduduk Seluruh Nusantara. Berdasarkan kajian Geldern dan Kern, kumpulan bangsa Melayu berasal dari utara ke selatan. Mereka berasal daripada satu kelompok bangsa kemudian tersebar ke seluruh Nusantara. Pengertian mengikut ras ini lebih tertumpu kepada suatu rumpun bangsa yang besar dan berkaitan.

SALASILAH BAHASA MELAYU

Salasilah bermaksud “asal usul”, “susur galur”, atau “keturunan”. Salasilah BM ialah kajian tentang asal usul@ keturunan BM.



Rajah salasilah BM